

Isu-isu Peguam Syariah di Malaysia

Md Zawawi Bin Abu Bakar *

Abstract

Syarie lawyers have the responsibility to represent their clients in the Syariah Court. The lawyers are only allowed to practice law within the state that appointed them as prescribed under the states' statute. Such situation has created inconsistency, which is the main issue plaguing the current Syariah institution. The inconsistency exists when the administration of the Syarie lawyers is under the different enactment and Kaedah Peguam Syarie from one state to another. The inconsistency includes the administering of qualification, appointment procedure and requirement, disciplinary action and so forth. These caused by the jurisdiction of states statute. Moreover, the issue relating to Jawatankuasa Peguam Syarie will be discussed. This committee does not possess the authority concerning the formation of law firm, insurance scheme, and the control over the firm's annual financial account. Finally, there is the need to legislate the main act in order to standardize the administering of Syarie lawyers throughout Malaysia.

Pendahuluan

Peguam syarie adalah individu yang terbabit secara langsung sebagai pegawai mahkamah. Mereka membantu pihak mahkamah untuk membuat suatu keputusan yang adil terhadap sesuatu kes. Kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa untuk mengurus dan mentadbir profesion peguam syarie melalui Enakmen Pentadbiran

* Pensyarah di Jabatan Kerja Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia.

Undang-Undang Islam. Realitinya, peguam syarie adalah berbeza dengan peguam sivil kerana ia tertakluk di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie yang digubal melalui Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri-negeri. Sebaliknya profesion peguam sivil pula tertakluk di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 yang merangkumi seluruh Malaysia.

Tafsiran Peguam Syarie

Berdasarkan amalan di Mahkamah Syariah masa kini, terdapat dua kategori peguam syarie yang beramal iaitu:

- i. Peguam syarie sahaja.
- ii. Peguam syarie merangkap peguambela dan peguamcara.

Peguam syarie kategori pertama adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Syariah dan beramal hanya di Mahkamah Syariah. Segala urusan perlantikan dan tindakan tatatertib peguam syarie adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Peguam Syarie yang ditubuhkan melalui peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Sebaliknya, peguam syarie kategori kedua yang beramal sebagai peguambela dan peguamcara adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan keistimewaannya ialah mereka boleh beramal di kedua-dua mahkamah, sama ada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Majlis Peguam merupakan badan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap peguambela dan peguamcara berdasarkan peruntukan Akta Profesion Undang-Undang 1976. Apabila mereka menjadi peguam syarie mereka turut berada di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Peguam Syarie berdasarkan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Sebaliknya peguam syarie kategori pertama tidak berada dibawah bidang kuasa Majlis Peguam kerana mereka bukan ahli Majlis Peguam.

Umumnya tafsiran peguam syarie menurut Kaedah-Kaedah Peguam Syarie negeri-negeri ialah seseorang yang mempunyai kelayakan dan syarat sebagai peguam syarie sepertimana ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Sebahagian negeri pula mentafsirkan dengan pengecualian kepada Penasihat Undang-Undang Negeri sebagai peguam syarie kerana jawatan tersebut secara automatik dilantik sebagai peguam syarie.¹ Kebanyakan negeri mentafsirkan peguam syarie dengan tafsiran yang ringkas di mana rujukan perlu dibuat di dalam kaedah dan enakmen. Berdasarkan kaedah dan enakmen dapat disimpulkan bahawa peguam syarie ialah:

¹ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Selangor 1991, Kaedah 8 (2) dan Kaedah-kaedah Peguam Syarie Perlis 1995, Kaedah 8 (2).

Seseorang yang memegang atau memperolehi Sijil Peguam Syarie yang ditandatangani oleh Majlis atau pengerusi Jawatankuasa setelah membayar fee.

Negeri Selangor² dan Perlis³ mempunyai persamaan dari segi pentakrifan peguam syarie iaitu peguam syarie yang telah dilantik oleh Majlis⁴ di bawah kaedah-kaedah, kecuali Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri atau Peguam Persekutuan yang dilantik secara terus sebagai peguam syarie. Sebaliknya Johor⁵ dan Kedah⁶ mentafsirkan peguam syarie sebagai calon yang telah memenuhi syarat kelayakan peguam syarie, manakala lulus dalam keputusan peperiksaan peguam syarie adalah tafsiran bagi Pahang⁷ dan Wilayah Persekutuan.⁸ Tafsiran bagi Sarawak⁹ dan Melaka¹⁰ lebih ringkas iaitu peguam syarie yang diterima masuk mengikut kaedah-kaedah ini. Bagi negeri-negeri lain seperti Kelantan,¹¹ Terengganu,¹² Perak¹³ dan Pulau Pinang,¹⁴ rujukan berkenaan tafsiran peguam syarie perlu dilihat kepada enakmen, meskipun negeri-negeri tersebut telah menggubal Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Ini kerana tafsiran peguam syarie di dalam Kaedah-Kaedah Peguam Syarie adalah tidak jelas seperti Kelantan dan memerlukan rujukan kepada Seksyen 18 (2) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982. Sebaliknya negeri Terengganu, Perak dan Pulau Pinang tidak menyertakan tafsiran peguam syarie di permulaan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Walaupun negeri-negeri tersebut telah menggubal danewartakan kaedah-kaedah tersebut. Walau bagaimanapun untuk membuat suatu tafsiran terhadap peguam syarie, ia perlu dirujuk kepada enakmen. Meskipun tafsiran tersebut tidak begitu jelas dan memerlukan rujukan kepada enakmen dan kaedah, ianya sudah memadai untuk memberi tafsiran mengenai peguam syarie.

² Kaedah-kaedah Peguam Syarie Selangor 1991, Kaedah 8 (2).

³ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Perlis 1995, Kaedah 8 (2).

⁴ Majlis yang dimaksudkan di dalam artikel ini ialah Majlis Agama Islam. Di sebahagian negeri adalah Jabatan Agama Islam.

⁵ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Johor 1982, Kaedah 9.

⁶ Peraturan-peraturan Peguam Syarie Kedah 1988, Peraturan 9.

⁷ Peraturan-peraturan Peguam Syarie Pahang 1990, Peraturan 12.

⁸ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Wilayah Persekutuan 1993, Kaedah 13.

⁹ Takrif dalam Kaedah-kaedah Peguam Syarie Sarawak 1992.

¹⁰ Takrif dalam Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Melaka 1991.

¹¹ Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan 1982, Seksyen 18 (2).

¹² Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986, Seksyen 66 (1).

¹³ Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak 1982, Seksyen 59.

¹⁴ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang 1993, Seksyen 63 (1).

Negeri Sembilan¹⁵ dan Sabah¹⁶ belum menggubal danewartakan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie masing-masing.¹⁷ Justeru itu segala rujukan berkenaan peguam syarie perlu merujuk kepada enakmen. Oleh itu, terdapat kesukaran untuk membuat rujukan, kerana pertama, peruntukan tafsiran tidak jelas. Kedua, terdapat beberapa negeri yang tidak mentafsirkan peguam syarie di dalam kaedah. Ketiga, sebahagian negeri belumewartakan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Kesimpulannya, berdasarkan rujukan kepada kaedah dan enakmen negeri-negeri, penulis mentafsirkan peguam syarie sebagai seseorang yang memenuhi kelayakan dan syarat peguam syarie seterusnya lulus dalam peperiksaan dan diberikan Sijil Peguam Syarie oleh Majlis Agama Islam melalui sokongan Jawatankuasa Peguam Syarie.

Peruntukan Peguam Syarie Mengikut Negeri-Negeri

Urusan pelantikan dan tatatertib peguam syarie diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Justeru itu, pihak berkuasa agama negeri menggubal Enakmen Pentadbiran Ugama Islam untuk menjadi asas dalam pentadbiran undang-undang Islam. Melalui enakmen tersebut, Majlis Agama Islam telah menggubal kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan peguam syarie secara lebih khusus dengan memfokuskan prosedur perlantikan, kod etika, syarat dan kelayakan, Jawatankuasa Perlantikan dan sebagainya. Maklumat rujukan terhadap statut dikumpulkan seperti di dalam Jadual 1. Rujukan statut berkenaan penting kerana ianya mendasari segala hal berkaitan pentadbiran peguam syarie, sama ada dari sudut kelayakan, syarat, tatatertib dan sebagainya.

¹⁵ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Hukum Syarak Negeri Sembilan 199,1 Seksyen 54 (1).

¹⁶ Enakmen Mahkamah Syariah Sabah 1992, Seksyen 24.

¹⁷ Sumber lisan dan bertulis daripada kedua-dua institusi Negeri Sabah dan Negeri Sembilan.

Jadual 1:
Statut Peguam Syarie di Negeri-negeri

Negeri	Enakmen/Akta	Kaedah/Peraturan
Perlis	Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1992	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1995
Kedah	Enakmen Mahkamah Syariah 1983	Peraturan-peraturan Peguam Syarie 1988
P. Pinang	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1993	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1997
Perak	Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1965	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1980
Pahang	Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam 1982	Peraturan-peraturan Peguam Syarie 1990
Kelantan	Enakmen Mahkamah Syariah 1982	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1988
Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1987
Melaka	Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1985	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1991
W. P'kutuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 1999	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993
Selangor	Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1989	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1991
N. Sembilan	Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1989	Tiada
Johor	Enakmen Mahkamah Syariah 1993	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1982
Sabah	Enakmen Mahkamah Syariah 1992	Belum diwartakan.
Sarawak	Ordinan Mahkamah Syariah 1991	Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1992

Sumber: Enakmen-enakmen dan Kaedah-kaedah yang digubal oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Hasil kajian menunjukkan terdapat dua statut yang digunakan oleh negeri-negeri dalam urusan pentadbiran peguam syarie. Pertama, enakmen atau akta dan kedua, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan peguam syarie. Enakmen atau akta merupakan statut asal yang mempunyai peruntukan umum berkenaan peguam syarie, Mahkamah

Syariah, masjid, sekolah agama dan sebagainya. Merujuk kepada peruntukan peguam syarie di dalam akta dan enakmen ianya dilihat lebih umum dan tidak lengkap, sebagaimana peruntukan di dalam kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan peguam syarie. Justeru itu, Majlis Agama Islam negeri-negeri melalui akta dan enakmen yang sama telah menggubal suatu statut yang diberi nama Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Namun demikian, terdapat beberapa negeri iaitu Negeri Sembilan dan Sabah yang masih mengekalkan hanya satu statut sahaja.

Kedua-dua negeri di atas masih menggunakan statut asal iaitu Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan 1991 dan Enakmen Mahkamah Syariah Sabah 1992. Negeri-negeri lain telah menggubal suatu undang-undang kecil yang memfokuskan kepada pentadbiran peguam syarie dan dinamakan Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan Peguam Syarie. Oleh itu terdapat dua belas Kaedah-Kaedah Peguam Syarie bagi negeri-negeri, manakala Negeri Sembilan dan Sabah masih berpegang kepada enakmen negeri masing-masing. (Lihat Jadual 1). Jika diteliti penggubalan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie dilihat lebih praktikal sepertimana pengamal undang-undang sivil yang tertakluk kepada Akta Profesion Undang-Undang 1976. Meskipun terdapat perbezaan antara keduanya, namun sebagai langkah permulaan, penggubalan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie harus dipandang positif. Namun demikian, perkembangan dan pembangunan institusi perundangan hari ini perlu berusaha supaya hanya satu kaedah yang diguna pakai seperti Akta Profesion Undang-Undang 1976. Berbalik kepada penggubalan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie, kajian mendapati ianya lebih jelas dan mudah dalam pengurusan dan pentadbiran hal ehwal peguam syarie.

Umumnya, kaedah peguam syarie negeri-negeri mengandungi nama dan tarikh mula berkuatkuasa serta tafsiran di permulaan bahagian satu Kaedah. Untuk itu, penulis mengambil Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Selangor 1991 sebagai contoh. Peruntukan Kaedah di bahagian dua ialah pembentukan sebuah Jawatankuasa Peguam Syarie yang merangkumi keahliah, syarat-syarat perlantikan, penamatan khidmat dan perletakan jawatan, elaun dan fungsi Jawatankuasa. Hal yang berkaitan peguam syarie diletakkan pada bahagian tiga Kaedah iaitu kelayakan peguam syarie, permohonan, bantahan, perakuan, keputusan, Sijil Peguam Syarie, pentauliahah dan Daftar Peguam Syarie. Dari sudut prosiding tatatertib, aduan, siasatan, hukuman, permohonan untuk dikeluarkan dari Daftar dan dimasukkan semula ke dalam Daftar terdapat di bahagian empat. Kaedah juga mempunyai peruntukan am iaitu mengemukakan sijil apabila diminta oleh mahkamah, pembaharuan sijil tahunan dan sekatan-sekatan terhadap peguam syarie yang gagal memperbaharui sijil. Selain itu, pada bahagian akhir Kaedah terdapat lampiran sampel borang yang berkaitan peguam syarie iaitu borang permohonan dan pembaharuan sijil peguam syarie.

Kaedah-Kaedah Peguam Syarie merupakan rujukan utama kerana ia digubal khusus untuk melicinkan pengurusan dan pentadbiran institusi peguam syarie. Kecuali Negeri Sembilan dan Sabah, negeri-negeri lain telah menggubal kaedah masing-masing dengan menggunakan dua nama sama ada Kaedah-Kaedah Peguam Syarie atau Peraturan-Peraturan Peguam Syarie. Negeri-negeri yang menggunakan nama kaedah termasuklah Perlis, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Melaka, Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan Sarawak. Sebaliknya, Kedah dan Pahang menggunakan nama Peraturan-Peraturan Peguam Syarie. Walaupun wujud perbezaan dari segi nama, namun kandungan dalam peruntukan hampir serupa antara negeri-negeri.

Artikel ini menekankan agar suatu perubahan dilakukan dengan menggubal suatu akta induk yang digunapakai oleh semua negeri di Malaysia bagi menyelaraskan serta meningkatkan status dan imej peguam syarie. Sebagai alternatif, amalan Majlis Peguam Malaysia boleh dijadikan contoh institusi yang menguruskan dan mentadbir segala urusan peguambela dan peguamcara di Malaysia hanya dengan menggunakan akta induk iaitu Akta Profesion Undang-Undang 1976.

Isu-isu Peguam Syarie di Malaysia

i. Ketidakterseragaman Pentadbiran Peguam Syarie

Ketidakterseragaman merupakan isu utama dalam pentadbiran peguam syarie dan belum ada usaha-usaha untuk menyelaraskannya sepertimana amalan institusi guaman sivil. Antara sebabnya ialah pentadbiran peguam syarie di bawah bidang kuasa yang berasingan di negeri-negeri. Sebaliknya, peguam sivil di bawah satu pentadbiran peringkat persekutuan. Justeru itu, isu penyeragaman tersebut sukar di atasi memandangkan sistem pentadbiran negara menetapkan bahawa hal-hal keagamaan dan adat adalah bidang kuasa negeri-negeri. Majlis berperanan melaksanakan tanggungjawab tersebut melalui kuasa yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam telah menggubal suatu kaedah dinamakan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Kaedah tersebut mempunyai peruntukan peguam syarie meliputi permohonan peguam syarie sehingga kawalan tatatertib. Sehubungan itu, wujud satu lagi ketidakterseragaman kerana setiap kaedah mempunyai perbezaan kerana digubal oleh pihak berkuasa yang berlainan. Kini terdapat dua belas kaedah yang berbeza di setiap negeri yang pasti mewujudkan isu ini.

Di dalam Kaedah-Kaedah Peguam Syarie, Jawatankuasa Peguam Syarie ditubuhkan untuk melaksanakan tanggungjawab di dalam perlantikan peguam syarie termasuklah permohonan, perlantikan dan tatatertib. Oleh itu isu ketidakterseragaman

tidak dapat dielakkan kerana ia melibatkan Jawatankuasa yang berlainan dan bidang kuasa mereka berdasarkan peruntukan setiap negeri. Amalan ini berbeza dengan sistem undang-undang sivil yang menggunakan peruntukan induk iaitu Akta Profesion Undang-Undang 1976 dan ditadbir oleh satu badan iaitu Majlis Peguam Malaysia. Apa yang cuba dibangkitkan ialah pertadbiran peguam syarie perlu diseragamkan sebagaimana amalan peguam sivil. Amalan sistem sivil adalah lebih praktikal dan efektif jika dibandingkan urusan pentadbiran peguam syarie sekarang. Ini kerana penyeragaman melalui suatu akta induk memudahkan pengurusan dan pentadbiran institusi tersebut.

ii. Kelayakan

Peguam syarie adalah satu bidang kerjaya profesional. Setiap negeri mensyaratkan kelayakan akademik bagi peguam syarie ialah Ijazah Sarjana Muda dari Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Kelayakan lain ialah pengamal undang-undang di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 juga diterima sebagai peguam syarie. Namun demikian, mereka perlu melepasi ujian sepertimana pemohon dari kalangan peguam syarie untuk mendapatkan Sijil Peguam Syarie. Justeru itu, isu yang dapat dilihat ialah lulusan undang-undang sivil yang berdaftar di bawah Majlis Peguam melalui Akta Profesion Undang-Undang 1976 boleh menjadi peguambela, peguamcara dan peguam syarie. Sebaliknya bagi lulusan undang-undang Syariah hanya layak menjadi peguam syarie. Ini kerana Akta Profesion Undang-Undang 1976 tidak mengiktiraf peguam syarie yang tidak mempunyai kelulusan undang-undang sivil untuk beramal di Mahkamah Sivil, bahkan mereka bukan ahli Majlis Peguam.

Keadaan ini menunjukkan terdapat ketidakadilan dari segi syarat sebagai peguam syarie. Ini kerana peguam syarie lulusan Syariah terhad menjadi peguam syarie sahaja, sebaliknya pengamal undang-undang 1976 mempunyai peluang luas merangkumi peguambela, peguamcara dan peguam syarie. Sepatutnya peguambela dan peguamcara dibenarkan menjadi peguam syarie setelah mempunyai kelayakan ikhtisas Syariah. Ini adalah amalan Majlis Peguam yang tidak mengiktiraf peguam syarie sebagai ahli kerana tiada kelayakan sivil. Di Kedah, calon peguam syarie mestilah mempunyai kelayakan undang-undang sivil.¹⁸ Justeru, ia akan memberi kesukaran bagi peguam syarie untuk bersaing dengan peguam syarie dari lulusan sivil. Realitinya Mahkamah Syariah kini dimonopoli oleh peguam syarie lulusan sivil. Oleh itu, graduan Syariah dari Universiti Malaya (U.M), Universiti Kebangsaan Malaysia (U.K.M) dan universiti-universiti di Timur Tengah pasti menghadapi dilema ini. Namun demikian, graduan

¹⁸ Temubual Puan Nafisah Bt Abdullah, Setiausaha Jawatankuasa Kelayakan Peguam Syarie Kedah pada Julai 2001 di Majlis Agama Islam Kedah.

undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa (U.I.A) lebih beruntung kerana boleh menyertai kedua-dua bidang kerana mereka memiliki ijazah dalam undang-undang sivil dan Syariah.

Kedadaan tersebut menyebabkan firma guaman syarie perlu bersaing kerana mereka hanya boleh mengambil kes-kes Syariah sahaja. Sebaliknya firma guaman sivil lebih beruntung kerana dapat mengendalikan kes sivil, Syariah, *conveyancing*, jenayah dan sebagainya. Oleh itu wujud ketidakadilan berdasarkan syarat membenarkan peguambela dan peguamcara beramal sebagai peguam syarie. Walaupun mereka mahir tentang prosedur percabaran di mahkamah, namun untuk mengendalikan kes-kes Syariah memerlukan peguam syarie yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang Syariah. Kelayakan tersebut perlu kerana kes-kes Syariah pada masa kini kian rumit. Justeru, kemahiran Syariah adalah perlu untuk mengendalikan kes-kes bersandarkan tafsiran dan hujah syarak dalam kitab-kitab fiqh. Dalam hal ini, lulusan undang-undang dari U.I.A mempunyai kelebihan untuk beramal sebagai peguam syarie. Peguam syarie yang mempunyai kelayakan Syariah dapat membantu Hakim Syarie dalam menyelesaikan kes-kes Syariah dengan lebih adil dan saksama.

Persoalan lain ialah mengenai kelayakan pengkhususan profesional terhadap calon peguam syarie. Di negeri Selangor,¹⁹ mana-mana calon peguam syarie yang ingin beramal di Mahkamah Syariah di Selangor disyaratkan memiliki kelayakan profesional tersebut, iaitu Diploma in Syarie Law and Practice (D.S.L.P) yang mengambil masa dua tahun pengajian di U.I.A. Bagi negeri-negeri lain kelayakan ijazah pertama melayakkan mereka memohon sebagai peguam syarie. Justeru itu, graduan undang-undang sivil dan graduan undang-undang Syariah perlu mendapatkan D.S.L.P sebelum memohon untuk beramal di Selangor. Hasil kajian mendapati kelayakan tersebut hanya disyaratkan di Selangor dan diikuti oleh negeri Pahang.²⁰ Kelayakan tersebut sepatutnya turut dilaksanakan di negeri-negeri lain. Ini kerana D.S.L.P menekankan teori dan amali merangkumi dalam bidang fiqh dan prosiding percabaran di Mahkamah Syariah.²¹ Oleh itu kelayakan tersebut boleh meningkatkan tahap profesional peguam syarie lulusan Syariah mengenai prosedur percabaran di Mahkamah Syariah, manakala peguam syarie lulusan sivil dapat mempertingkatkan penguasaan Syariah mereka.

Selain itu, artikel ini ingin membangkitkan mengenai Diploma Amalan Guaman Dan Kehakiman Syarie di U.K.M sebagai kelayakan profesional peguam syarie. Diploma tersebut telah diterima sebagaimana pengiktirafan D.S.L.P yang diperolehi daripada U.I.A. Justeru, status diploma tersebut perlu dikaji semula kerana sebagai

¹⁹ Kaedah Peguam Syarie Selangor 1991, Kaedah 8 (b) i.

²⁰ Temubual En Nor Azmi Bin Mohd Arif, Peguam Syarie pada 14 Ogos 2001.

²¹ *Ibid.*

kursus profesional sepatutnya syarat memohon diploma tersebut ialah ijazah pertama. Namun demikian, diploma U.K.M. juga menawarkan kursus tersebut kepada bukan graduan iaitu mahasiswa yang sedang dalam pengajian ijazah pertama. Keadaan ini berbeza dengan D.S.L.P yang memberi tawaran hanya kepada pemegang ijazah. Jika dilihat kepada kerjaya profesional lain, diploma profesional ditawarkan hanya kepada graduan atau "post graduate" sahaja. Meskipun demikian usaha U.K.M harus dipuji kerana berjaya menawarkan diploma tersebut sekurang-kurangnya dapat mengisi jawatan di dalam perkhidmatan Syariah. Rentetan itu ia akan membuka jalan kepada institusi pengajian tinggi lain untuk menawarkan kursus profesional tersebut. Sebagai contoh, sehingga kajian ini dibuat, U.M belum lagi menawarkan kursus diploma seumpamanya meskipun mempunyai kepakaran, bahkan sebagai institusi terunggul dalam bidang Syariah khususnya undang-undang Islam. Justeru itu, institusi tersebut perlulah menawarkan diploma sebagaimana diploma dari Universiti Islam Antarabangsa.

Syarat lain bagi sesetengah negeri ialah peguam syarie mestilah beragama Islam. Negeri-negeri tersebut adalah Kelantan,²² Terengganu,²³ Pahang,²⁴ Wilayah Persekutuan²⁵ dan Melaka.²⁶ Manakala Kedah²⁷ dan Johor²⁸ mensyaratkan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Namun demikian negeri-negeri lain pula tidak mensyaratkan peguam syarie beragama Islam. Hasil kajian yang dibuat daripada Daftar Peguam Syarie seluruh Malaysia mendapati sebilangan kecil peguam syarie adalah bukan beragama Islam. Hal ini disebabkan syarat di dalam Kaedah-Kaedah Peguam Syarie negeri tersebut tidak mensyaratkan agama Islam. Negeri yang dimaksudkan ialah Selangor yang mentauliahkan dua orang peguam syarie bukan beragama Islam.²⁹

Persoalannya ialah mampukah seorang peguam syarie bukan beragama Islam menangani kes-kes Syariah dengan berkesan? Meskipun terdapat pendapat yang membenarkan orang bukan Islam mewakili anak guam di mahkamah tetapi ia tidak termasuk dalam kes-kes yang berkaitan kes percubaan keluar agama dan menghina agama Islam.³⁰ Dalam kes sebegini peguam syarie Muslim juga boleh menolak

²² Kaedah-kaedah Peguam Syarie Kelantan 1988, Kaedah 3 (a).

²³ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Terengganu 1987, Kaedah 5 (3).

²⁴ Peraturan-peraturan Peguam Syarie Pahang 1990, Peraturan 9 (a) (i).

²⁵ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Wilayah Persekutuan 1993, Kaedah 10.

²⁶ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Melaka 1991, Kaedah 10.

²⁷ Peraturan-peraturan Peguam Syarie Kedah 1988, Peraturan 9 (d).

²⁸ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Johor 1982, Kaedah 9 (d).

²⁹ Lihat Daftar Peguam Syarie Selangor.

³⁰ Ali Haider (1991), *Durar al-Hukkam*, vol 3. Beirut: Dar al-Jayl, h. 633

wakalah sekiranya diminta anak guam mewakilinya dalam kes percubaan keluar agama.³¹ Sepatutnya Mahkamah Syariah menjadi hak eksklusif orang Islam, ia bukan sahaja membabitkan pihak yang bertikai, bahkan pihak yang mewakili mereka iaitu peguam syarie. Penulis bukan mempertikaikan kewibawaan peguam syarie bukan Muslim berkenaan, bahkan juga peguam syarie Muslim yang tidak mendapat pendidikan Syariah secara formal. Hal ini perlu diberi perhatian kerana tugas utama peguam syarie ialah membantu Hakim Syariah mendapatkan fakta, bukti, dalil, nas dan segalanya berkaitan kes sebelum membuat sesuatu penghakiman. Kebanyakan rujukan dalil dan nas terdapat di dalam kitab muktabar yang menggunakan bahasa ‘Arab. Justeru itu, peguam syarie perlu diberi asas-asas syariah melalui kursus, seminar, bengkel dan sebagainya. Tanpa asas syariah peguam syarie akan merasai kesukaran ketika mengendalikan kes-kes Syariah, meskipun mereka mempunyai kelebihan berkaitan prosedur perbicaraan atau undang-undang acara bagi sesuatu kes di Mahkamah Syariah.

³¹ Haji Sulaiman Abdullah (1996), “Etika Peguam di Mahkamah Awam dan Syariah,” dalam Abdul Monir Yaacob (ed), *Etika Hakim dan Peguam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 145.

Jadual 2:
Kelayakan dan Syarat Peguam Syarie di Negeri-negeri

KELAYAKAN DAN SYARAT PEGUAM SYARIE	P E R L I S	K E D A H	P E R A K	P. P I N A N G	P A H A N G	K E L A N T A N	T R E N G G A N U	W . P E R S E K U T U A N	S E L A N G O R	M E L A K A	N. S E M B I L A N	J O H O R	S A B A H	S A R A W A K
Ijazah Sarjana Muda Syariah atau Undang-Undang	X		X	X	X		X	X	X	X	X	X		X
Pegawai Undang-Undang Kerajaan Negeri / Persekutuan	X	X	X	X				X	X	X	X	X		X
Pengamal Undang-Undang dibawah Akta 1976	X	X	X	X	X			X	X	X	X	X		X
Latihan profesional yang diiktiraf Majlis dalam bidang kehakiman Islam / hukum Syarak	X		X	X			X		X	X				X
Pengalaman sebagai Kadhi atau Hakim Syarie					X			X				X		
Agama Islam / Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah		X			X	X	X	X		X		X		
Umur (21 thn, 18 thn)		X		X	X	X		X				X		
Tidak disabit kesalahan jenayah di Mahkamah	X	X	X	X	X	X		X	X	X		X		X
Tidak bankrap dibawah Akta Kebankrapan 1967	X	X	X	X	X			X	X	X		X		X
Warganegara / pemastautin tetap Malaysia	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X		X		X
Lulus peperiksaan Peguam Syarie		X	X		X			X				X		X
Mahir dalam Bahasa Malaysia							X							

Sumber: Kaedah-kaedah Peguam Syarie di Negeri-negeri

iii. Proses Perlantikan Peguam Syarie

Peguam syarie perlu mendapatkan Sijil Peguam Syarie di setiap negeri bagi melayakkan mereka beramal di Mahkamah Syariah negeri tersebut. Amalan tersebut tidak praktikal dan menyusahkan kerana perlu mendapatkan sijil di setiap negeri. Persoalannya ialah terdapat kepelbagaian prosedur yang perlu dijalani seseorang calon sebelum dikurniakan Sijil Peguam Syarie. Semua negeri mensyaratkan pemohon mengisi borang

khas iaitu Borang 1 dan salinan kelayakan akademik dengan disertakan surat sokongan. Prosedur ini adalah sama bagi kebanyakan negeri, namun prosedur seterusnya agak berbeza iaitu terdapat dua ujian dikenakan sama ada ujian bertulis atau ujian lisan. Bagi Wilayah Persekutuan, Johor, Perak dan Kedah, calon peguam syarie dikehendaki menjalani ujian bertulis. Sebaliknya Perlis, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah dan Sarawak memerlukan calon menghadiri temuduga lisan.³² Bagaimanapun bagi negeri Selangor dan Pahang mensyaratkan selain kelayakan Ijazah Sarjana Muda calon perlu mempunyai kelayakan profesional Diploma in Syarie Law and Practice (D.S.L.P) dari U.I.A.³³

Satu kesimpulan dibuat bahawa terdapat ketidakseragaman dalam tapisan bagi calon peguam syarie. Calon ditapis menggunakan dua kaedah, sama ada peperiksaan bertulis atau ujian lisan. Bahkan bagi negeri Johor, kedua-dua ujian dikenakan terhadap calon peguam syarie. Namun isu penting yang difokuskan di sini ialah bagaimana wujudnya soal perbezaan dalam pengiktirafan sijil tersebut. Hasil kajian mendapati segala proses tapisan peguam syarie dilakukan oleh Jawatankuasa yang mahir dan pakar dalam hukum syarak. Ia sepatutnya diselaraskan bagi mewujudkan satu pengiktirafan peperiksaan kepada semua negeri. Contohnya calon yang lulus tapisan di negeri Pahang diiktiraf bagi semua negeri dan hanya perlu membuat permohonan sahaja untuk mendapatkan Sijil Peguam Syarie di negeri lain. Calon juga tidak perlu menjalani ujian lisan atau ujian bertulis bagi mana-mana negeri lain.

Realitinya peguam syarie yang sudah berpengalaman bertahun-tahun dengan Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Sivil perlu mengambil ujian semula jika ingin memohon Sijil Peguam Syarie di negeri lain. Terdapat kes peguam syarie yang telah lama beramal, tetapi gagal di dalam peperiksaan tersebut.³⁴ Keadaan ini menunjukkan tidak ada unsur pengiktirafan terhadap kelayakan dan pengalaman peguam syarie tersebut di negeri lain. Soal pengiktirafan bukan sahaja melibatkan peguam syarie, bahkan Jawatankuasa yang mengendalikan peperiksaan dan seterusnya memberi tauliah kepada peguam syarie tersebut. Adalah lebih praktikal jika terdapat satu pengiktirafan diberikan oleh semua negeri dengan hanya satu sahaja tapisan. Oleh itu, peguam syarie yang sudah lulus dan memiliki Sijil Peguam Syarie layak diiktiraf di negeri-negeri lain.

iv. Sijil Tidak Menyeluruh

Antara persoalan lain yang berlaku ialah Sijil Peguam Syarie tidak menyeluruh di setiap negeri. Setiap peguam syarie perlu memiliki sijil setiap negeri bagi melayakkan mereka

³² Temubual En Nor Azmi Bin Mohd Ariff, Peguam Syarie, *op.cit.*

³³ Selain D.S.L.P kursus Diploma Administration Islamic Judgement (D.A.I.J) dari U.I.A juga diterima sebagai syarat Peguam Syarie.

³⁴ Temubual En Nor Azmi Bin Mohd Arif, Peguam Syarie, *op.cit.*

beramal di negeri-negeri tersebut. Amalan peguam syarie dengan peguam sivil adalah berbeza dimana Sijil Peguam Syarie tidak menyeluruh ke seluruh Malaysia, manakala amalan peguam sivil menyeluruh. Pemilik Sijil Peguam Syarie boleh beramal di negeri tertentu sahaja kerana setiap peguam syarie terikat dengan peruntukan setiap kaedah negeri-negeri. Jika dirujuk kepada tafsiran peguam syarie, ia ialah seorang berkelayakan yang lulus peperiksaan peguam syarie dan ditauliahkan oleh Majlis. Oleh itu, setiap negeri mempunyai kaedah masing-masing dan mempunyai peguam syarie yang hanya layak beramal di negeri tersebut sahaja. Jika peguam syarie ingin beramal di negeri lain, calon tersebut hendaklah mematuhi prosedur dan ditauliahkan oleh Majlis di negeri berkenaan.

Satu analisis terhadap bilangan peguam syarie yang mempunyai Sijil Peguam Syarie di seluruh Malaysia telah dibuat. (Lihat Jadual 3 dan 4). Sumber data mengenai peguam syarie diperolehi melalui Daftar peguam syarie di negeri-negeri.

Jadual 3:
Bilangan Peguam Syarie di Negeri-negeri

Bil	Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	Perlis	11	3	14
2	Kedah	31	11	42
3	Pulau Pinang	56	37	93
4	Perak	7	6	13
5	Kelantan	23	13	36
6	Terengganu	35	6	41
7	Pahang	35	17	52
8	Melaka	38	22	60
9	Negeri Sembilan	42	24	66
10	Wilayah Persekutuan	128	74	202
11	Selangor	80	39	119
12	Johor	13	10	23
13	Sabah	24	30	54
14	Sarawak	12	6	18

Sumber: Daftar Peguam Syarie di Negeri-negeri Tahun 2002

Hasil daripada kajian mendapati jumlah peguam syarie yang mempunyai Sijil Peguam Syarie di seluruh Malaysia iaitu 600 orang, iaitu 385 orang lelaki dan 215 orang perempuan. Daripada jumlah tersebut tidak terdapat seorang pun peguam syarie yang mempunyai tauliah untuk beramal di seluruh Malaysia.

Jadual 4:
Bilangan Peguam Syarie yang mempunyai
Sijil Peguam Syarie di Negeri-negeri

Jumlah Negeri	Peguam Syarie yang mempunyai Sijil Peguam Syarie
14	Tiada
13	Tiada
12	Tiada
11	Tiada
10	Tiada
9	Tiada
8	Tiada
7	1
6	7
5	1
4	10
3	30
2	96
1	456

Sumber: Daftar Peguam Syarie di Negeri-negeri Tahun 2002

Berdasarkan Jadual 4, analisis yang dibuat menunjukkan syarat dan prosedur perlantikan peguam syarie masih boleh dipertingkatkan lagi. Jika diwujudkan keseragaman prosedur dan pengiktirafan sijil, ia akan mendatangkan kebaikan kepada institusi peguam syarie dan Mahkamah Syariah. Sehubungan itu, masalah kes-kes lapuk di Mahkamah Syariah dapat dikurangkan di mana antara punca masalah disandarkan kepada kekurangan peguam syarie dan kesibukan dengan kes yang banyak.

Kajian yang dilakukan mendapati seorang peguam syarie mempunyai sijil di tujuh negeri, 7 orang peguam syarie mempunyai 6 sijil, seorang peguam syarie mempunyai 5 sijil, 9 orang peguam syarie mempunyai 4 sijil, 30 orang peguam syarie mempunyai 3 sijil, 96 orang mempunyai 2 sijil dan 456 orang peguam syarie mempunyai satu sijil. Ini menunjukkan bahawa amalan peguam syarie sekarang tidak praktikal kerana ramai peguam syarie yang hanya mempunyai satu Sijil Peguam Syarie manakala hanya seorang peguam syarie yang memiliki 7 Sijil Peguam Syarie.

Selain itu, kajian juga menunjukkan terdapat beberapa negeri menjadi tumpuan peguam syarie seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka dan Negeri Sembilan. (Lihat Jadual 4). Permintaan yang tinggi terhadap khidmat guaman syarie di negeri-negeri berkenaan ekoran dari kedudukan ekonomi di negeri tersebut yang begitu pesat membangun.

v. Kadar Yuran Yang Tidak Seragam

Isu mengenai kadar yuran yang tidak seragam juga menjadi tumpuan artikel ini. Setiap peguam syarie perlu membayar beberapa jenis yuran seperti yuran pemprosesan, sijil dan yuran tahunan. Bayaran pemprosesan dan sijil perlu dijelaskan dengan sekali bayaran. Manakala sijil tahunan pula perlu diperbaharui setiap tahun. Justeru itu, ia menjadi satu kesukaran bagi peguam syarie kerana terpaksa membayar yuran bagi setiap negeri yang ia mempunyai Sijil Peguam Syarie. Kesannya adalah membebankan peguam syarie dari segi jumlah yuran serta terlewat atau gagal menjelaskan yuran tersebut. Sebagai contoh, jika peguam syarie mempunyai empat belas sijil maka dia perlu membayar yuran tahunan bagi setiap negeri. Seandainya peguam syarie tersebut gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa, tindakan disiplin boleh dikenakan sama ada membayar denda atau namanya digugurkan daripada Daftar Peguam Syarie. Keadaan ini kemungkinan berlaku kerana setiap negeri mempunyai tempoh setahun yang berlainan antara satu sama lain.

Terdapat dua bentuk perkiraan tempoh setahun iaitu:

- i. Tempoh setahun ialah pada setiap Disember setiap tahun di mana kebiasaannya pembayaran dibuat dua atau tiga bulan sebelum tamat tempoh setahun.
- ii. Tempoh setahun berdasarkan tarikh pemberian Sijil Peguam Syarie dan perlu diperbaharui tiga bulan sebelum tamat tempoh.

Realitinya profesion peguam syarie sentiasa sibuk dengan pelbagai kes yang dikendalikan dan kemungkinan mereka gagal membuat pembaharuan sijil tersebut. Kegagalan memperbaharui sijil tersebut, mereka akan didenda ataupun digugurkan nama dari Daftar Peguam Syarie. Satu lagi persoalan yang boleh ditimbulkan ialah

bagaimana pula dengan kes di Mahkamah Syariah tersebut sekiranya Sijil Peguam Syarie tersebut telah tamat tempoh? Keadaan ini boleh berlaku memandangkan perjalanan sesuatu kes biasanya mengambil masa yang lama. Impaknya turut diterima anak guam sekiranya tersilap memilih peguam syarie yang gagal menjelaskan yuran atau sijil yang telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui. Justeru itu, dengan suatu penyeragaman mengenai bayaran yuran, maka banyak masalah dapat dihindari.

Selain itu, jika dihitungkan jumlah keseluruhan yuran tahunan ianya agak besar seandainya seseorang peguam syarie memiliki sijil beramal di seluruh Malaysia. Bayaran sebanyak itu mungkin tidak dirasakan besar bagi peguam syarie yang turut beramal sebagai peguambela dan peguamcara. Namun bagi peguam syarie yang mengkhususkan bidang Syariah semata-mata ianya dilihat sebagai membebankan kerana mereka hanya bergantung kepada kes-kes Syariah yang diterima. Bahkan bagi sesetengah negeri mereka tidak mendapat sebarang kes meskipun mereka mempunyai sijil dan perlu memperbaharui yuran tahunan setiap tahun.³⁵ Meskipun yuran dilihat membebankan peguam syarie, namun ianya perlu bagi tujuan komitmen serta pengurusan hal ehwal peguam syarie. Justeru itu, suatu penyeragaman khas perlu dilakukan bagi menentukan sama ada dari segi tempoh setahun mahupun kadar yuran tahunan tersebut. Ia bukan sahaja untuk menjaga kebajikan peguam syarie bahkan meningkatkan imej dan kredibiliti perundangan Islam amnya.

Selain perbezaan kadar yuran tahunan di negeri-negeri, terdapat juga negeri yang mengenakan denda jika peguam syarie lewat membuat pembaharuan dari tarikh yang ditetapkan. Kadar denda akan meningkat jika tempoh kelewatan semakin panjang. Sebaliknya bagi sebahagian negeri pula tidak mengenakan denda terhadap kelewatan tersebut. Namun demikian, boleh dikatakan semua negeri akan memberi amaran menggantung atau mengeluarkan nama peguam syarie daripada Daftar Peguam Syarie negeri tersebut.

Kadar denda yang dikenakan akan berganda jika tempoh kelewatan semakin bertambah. Ini dapat dilihat berdasarkan beberapa negeri yang mengenakan denda seperti Pulau Pinang,³⁶ Selangor³⁷ dan Perlis.³⁸ Bentuk denda yang dikenakan terhadap peguam syarie yang lewat membuat pembaharuan sijil tahunan ialah:

³⁵ Temubual dengan Encik Bahador Bin Omar, Peguam Syarie pada 15 Julai 2003; Beliau menyatakan agak sukar (bilangan kes yang diambil untuk menguruskan kewangan firma) jika peguam syarie hanya beramal dalam kes-kes syariah sahaja terutamanya di negeri Kedah dan Perlis.

³⁶ Kaedah Kaedah Peguam Syarie Pulau Pinang 1995, Kaedah 3 (a) dan (b) i, ii, iii dan iv.

³⁷ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Selangor 1991, Kaedah 21.

³⁸ Kaedah-kaedah Peguam Syarie Perlis 1995, Kaedah 21 (3) b.

- i. Denda RM 200.00 jika kurang dua bulan dari tarikh yang ditetapkan.
- ii. Denda RM 300.00 jika kurang sebulan dari tarikh yang ditetapkan.
- iii. Denda RM 400.00 jika dua bulan selepas tamat tempoh sijil.
- iv. Denda RM 500 tiga bulan selepas tamat tempoh sijil.³⁹

Meskipun kegagalan peguam syarie berbuat demikian boleh menyebabkan nama mereka digugurkan daripada Daftar Peguam Syarie, tetapi Kaedah 23⁴⁰ dalam kaedah yang sama membenarkan peguam syarie memohon semula dengan disertakan satu affidavit kepada Jawatankuasa dan dikenakan denda yang lebih tinggi iaitu RM 700.00. Hukuman atau denda yang dikenakan oleh Jawatankuasa adalah wajar demi menjaga etika serta mendapatkan komitmen peguam syarie.

Selain ketidakseragaman yuran tahunan, peguam syarie yang memohon mendapatkan Sijil Peguam Syarie perlu membuat pembayaran lain. Antara pembayaran yang turut dikenakan ialah:

- a. Bayaran pendaftaran atau pemprosesan bersama borang 1.
- b. Bayaran Sijil Peguam Syarie bersama borang 2.

Bayaran pemprosesan perlu dijelaskan di sesetengah negeri seperti Johor sebanyak RM 30.00, Wilayah Persekutuan dan Pahang sebanyak RM 10.00 sementara di Kelantan, Terengganu, Melaka dan Sarawak sebanyak RM 50.00.⁴¹ Manakala negeri lain seperti Sabah, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan tidak mengenakan bayaran pemprosesan ketika menyerahkan dokumen dan borang permohonan. Namun demikian, semua negeri kecuali Sabah mengenakan bayaran untuk Sijil Peguam Syarie apabila calon telah berjaya dalam ujian lisan atau bertulis. Bayaran dijelaskan semasa menyerahkan Borang 2 dan pentauliahkan sijil tersebut oleh Jawatankuasa. Kadar bayaran Sijil Amalan Tahunan di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Perlis dan Sarawak adalah sama iaitu RM 100.00. Sebaliknya Kelantan telah menaikkan kadar yuran daripada RM 100.00 kepada RM 250.00.⁴² Manakala Johor dan Perak sebanyak RM 30.00 bagi Kedah pula ialah RM 120.00. Peguam syarie yang beramal di Sabah tidak dikenakan apa-apa bayaran sama ada bayaran pemprosesan, bayaran

³⁹ Lihat Kaedah-kaedah Peguam Syarie Pulau Pinang 1993, Kaedah 3 (a) dan (b) i, ii, iii, iv; Kaedah-kaedah Peguam Syarie Selangor 1991, Kaedah 21.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Temubual En Nor Azmi Bin Mohd Ariff, Peguam Syarie, *op.cit.*

⁴² Temubual En Nor Azmi, *op.cit.*

sijil atau yuran tahunan. Oleh itu wujud ketidakseragaman mengenai kadar yuran serta tempoh genap setahun sijil.

vi. Pentauliahian (*Long Call*)

Pentauliahian merupakan suatu proses pengiktirafan yang diberikan kepada peguam syarie di Mahkamah Tinggi Syariah secara terbuka. Kebiasaannya seseorang peguam syarie yang berjaya memperolehi Sijil Peguam Syarie akan dianugerahkan sijil yang menandakan dia boleh mewakili anak guamnya di Mahkamah Syariah. Antara negeri yang memberi pentauliahian kepada peguam syarie ialah Wilayah Persekutuan, Selangor dan Melaka. Bahkan terdapat negeri yang mensyaratkan sesuatu tempoh dahulu umpamanya enam bulan di Melaka bagi memberi peluang kepada peguam syarie melihat prosedur di Mahkamah Syariah.

Isu yang ingin dibangkitkan di sini ialah tempoh yang diberikan sebelum pentauliahian agak lama. Ini akan merugikan peguam syarie terbabit kerana mereka perlu menunggu sehingga tamat tempoh tersebut sebelum dapat mewakili anak guam di Mahkamah Syariah. Selain menggunakan tempoh yang panjang ia juga dilihat membataskan peluang peguam syarie tersebut untuk mengambil kes-kes di Mahkamah Syariah. Setiap negeri sepatutnya mengadakan pentauliahian terbuka kerana ia suatu pengiktirafan kepada peguam syarie. Namun ianya perlu disegerakan sebaik sahaja calon lulus dalam peperiksaan peguam syarie dan menjelaskan bayaran sijil. Tempoh pentauliahian yang lama akan merugikan peguam syarie terutamanya dari aspek persaingan.

Pentauliahian peguam syarie memakan masa yang agak panjang tetapi tidaklah sehingga genap tempoh setahun. Ini kerana bermula dari tarikh calon ditemuduga terdapat beberapa proses dilakukan seperti diadakan dua kali mesyuarat.⁴³ Mesyuarat pertama dibuat untuk mengesahkan calon-calon yang lulus di dalam temuduga seterusnya setiap calon sama ada lulus atau gagal akan dimaklumkan keputusan temuduga. Manakala mesyuarat kedua ialah untuk menguruskan majlis pentauliahian peguam syarie. Kelewatan majlis pentauliahian ekoran kesukaran untuk mengadakan kedua-dua mesyuarat yang dihadiri semua ahli Jawatankuasa. Ini disebabkan jadual tugas ahli-ahli di dalam Jawatankuasa agak padat. Selain itu, tidak dinafikan masalah kekurangan tenaga kerja untuk mengendalikan majlis pentauliahian turut memberi impak kepada masalah tersebut.⁴⁴ Kesimpulannya, proses pentaulihan perlu dilakukan tetapi dengan suatu bentuk baru dan diseragamkan di seluruh Malaysia.

⁴³ Telefon Puan Nor Hadina Bte Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar, Mahkamah Tinggi Syariah, Wilayah Persekutuan pada 6 Disember 2002.

⁴⁴ *Ibid.*

vii. Keterbatasan Tugas Jawatankuasa Peguam Syarie

Perbincangan isu-isu peguam syarie tidak lengkap tanpa memberi ulasan mengenai jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap peguam syarie iaitu Jawatankuasa Peguam Syarie. Peguam syarie berada di bawah pentadbiran Jawatankuasa berdasarkan sijil yang dimiliki di negeri tersebut. Memandangkan di Malaysia terdapat empat belas buah negeri maka empat belas Jawatankuasa ditubuhkan bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut. Namun begitu masih terdapat negeri yang belum mempunyai Jawatankuasa disebabkan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie negeri belum diwartakan lagi.⁴⁵ Bidang kuasa Jawatankuasa terbatas bagi sesuatu negeri sahaja. Ia tidak melibatkan negeri-negeri lain bahkan pentadbiran Jawatankuasa berdasarkan enakmen yang digubal oleh Majlis. Justeru itu, Jawatankuasa bertanggungjawab terhadap peguam syarie di negeri itu sahaja.

Selain itu, peranan Jawatankuasa adalah berdasarkan peruntukan enakmen dan kaedah yang digubal oleh Majlis. Namun demikian bidang kuasa tersebut agak terbatas jika dibanding dengan Majlis Peguam. Selain itu, Majlis Peguam dilihat lebih berperanan kerana melibatkan pentadbiran peringkat persekutuan manakala Jawatankuasa menjurus kepada pentadbiran peringkat negeri. Kedudukan statut yang digubal juga menunjukkan kedudukan Jawatankuasa lebih rendah kerana ia bertaraf enakmen, berbanding dengan Majlis Peguam kerana ia ditubuh melalui Akta 1976 iaitu statut yang digubal di Parlimen.

viii. Keahlian Jawatankuasa Peguam Syarie

Keahlian Jawatankuasa Peguam Syarie setiap negeri adalah berbeza antara satu dengan lain. Ini disebabkan ia ditubuhkan berdasarkan kaedah yang berlainan. Namun demikian, isu yang cuba dibangkitkan ialah Jawatankuasa yang dilantik itu melibatkan dua pihak yang berkepentingan sama ada di Majlis Agama Islam atau di Mahkamah Syariah. Ringkasnya mereka mempunyai komitmen dengan bidang tugas rasmi lain. Justeru, kesibukan tersebut menyukarkan mereka untuk memberi perhatian terhadap bidang tugas Jawatankuasa. Hasilnya tiada perubahan atau usaha dilakukan untuk meningkatkan tahap dan kualiti Jawatankuasa serta pentadbiran peguam syarie.⁴⁶

Maklumat yang diperolehi menunjukkan Jawatankuasa dipengerusikan oleh Mufti, Yang Dipertua Majlis dan sebahagian ahlinya ialah Ketua Polis Negeri dan Penasihat

⁴⁵ Surat daripada Majlis Ugama Islam Sabah.

⁴⁶ Temubual Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (P.G.S.M) iaitu Tuan Haji Muhamad Bin Haji Burok pada 6 November 2001.

Undang-Undang Negeri yang umum sedia maklum akan kesibukan mereka. Justeru itu, tanggungjawab dalam Jawatankuasa Peguam Syarie adalah sebahagian daripada portfolio berbanding tugas rasmi mereka. Tugas Jawatankuasa sama ada bersidang atau bermesyuarat apabila permohonan peguam syarie dibuka kepada umum. Lazimnya permohonan dibuka setahun sekali. Apabila selesai segala proses permohonan, pemeriksaan dan pentauliahan ahli Jawatankuasa akan menumpukan semula komitmen mereka terhadap tugas rasmi mereka.

Keahlian Jawatankuasa sebenarnya perlu dilantik dari kalangan peguam syarie yang berpengalaman. Mereka lebih tahu kehendak dan keperluan ahli. Oleh hal yang demikian ia akan menjadikan Jawatankuasa lebih praktikal sepertimana Majlis Peguam. Selain bertanggungjawab terhadap perlantikan dan tata tertib peguam syarie, Jawatankuasa perlu melihat aspek kebajikan peguam dan juga aktiviti khidmat masyarakat. Dalam hal ini amalan Majlis Peguam boleh dijadikan sampel ke arah Jawatankuasa yang lebih mantap dan praktikal.⁴⁷ Ini kerana Majlis Peguam dilihat memainkan peranan dalam masyarakat seperti menasihatkan kerajaan dalam hal-hal perundangan.

Namun demikian, permasalahannya ialah keahlian Jawatankuasa adalah tertakluk kepada peruntukkan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie. Berdasarkan amalan dan juga tafsiran Jawatankuasa iaitu ditubuhkan oleh Majlis di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie setiap negeri. Adalah amat sukar untuk membuat perubahan sebagaimana amalan di Majlis Peguam. Untuk menyelaraskan Jawatankuasa negeri-negeri sebagai satu Jawatankuasa induk membabitkan persetujuan antara kerajaan negeri dan pusat. Oleh itu, suatu persepakatan antara Majlis dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia perlu dilakukan bagi membincangkan isu berkenaan.

Meskipun terdapat keahlian sebahagian Jawatankuasa yang turut dianggotai oleh peguam syarie namun ia tidak sepertimana keanggotaan Majlis Peguam. Keahlian mereka dilihat sebagai penasihat, sebaliknya keahlian Majlis Peguam keseluruhannya terdiri daripada peguam yang dapat memberi komitmen yang lebih baik terhadap Majlis Peguam. Selain itu, keanggotaan Majlis Peguam juga memberi kebaikan kerana hanya peguam yang tahu masalah dan kebajikan mereka. Maka tidak hairanlah pada hari ini dilihat Majlis Peguam berada pada suatu tahap yang lebih baik di mata masyarakat.

ix. Bidang Tugas Jawatankuasa Peguam Syarie

Bidang kuasa Jawatankuasa agak terbatas berbanding Majlis Peguam. Jika dilihat perbincangan lalu, Jawatankuasa berperanan melakukan urusan perlantikan peguam

⁴⁷ Temubual Tn Haji Muhamad Burok, *op.cit.*

syarie sama ada dari pemilihan, soalan peperiksaan, sukatan peperiksaan, peperiksaan, temuduga, perlantikan dan sebagainya. Selain itu, dari sudut tata tertib dan etika iaitu daripada menerima aduan, siasatan dan penghakiman. Namun demikian, isu yang ditimbulkan adalah keterbatasan bidang kuasa Jawatankuasa jika dibandingkan dengan Majlis Peguam.

Penubuhan firma guaman sivil tertakluk kepada Majlis Peguam di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976. Justeru itu, pengamal undang-undang sivil disyaratkan menjadi ahli Majlis Peguam terlebih dahulu sebelum menubuhkan firma guaman. Semua urusan pendaftaran firma diuruskan sepenuhnya oleh Majlis Peguam berdasarkan peruntukan akta tersebut, iaitu:

Majlis Peguam hendaklah menyelenggara sesuatu daftar nama-nama firma-firma yang dibawahnya peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara menjalankan amalan. Tiada sesuatu nama firma boleh didaftar atau dipotong daripada daftar tanpa suatu sijil daripada Majlis Peguam.⁴⁸

Majlis Peguam dilihat bukan sahaja berperanan dalam perlantikan peguam sivil tetapi mempunyai bidang kuasa sepenuhnya terhadap pendaftaran firma-firma guaman sivil. Ekoran daripada itu, peguam syarie secara automatik tidak dapat menubuhkan sesebuah firma untuk beramal dalam bidang Syariah dan sivil kerana mereka bukan ahli Majlis Peguam. Meskipun mereka mempunyai modal dan mampu membayar peguam sivil tetapi dengan peruntukan tersebut peguam syarie hanya boleh membuka firma Syariah sahaja. Peguam syarie yang ingin membuka firmanya tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965 dan ianya tidak mempunyai hubung kait dengan Jawatankuasa sepertimana Majlis Peguam mempunyai bidang kuasa ke atas firma guaman sivil.

Isu seterusnya ialah Jawatankuasa tidak mempunyai bidang kuasa mengaudit akaun tahunan firma guaman. Sebaliknya, Majlis Peguam mempunyai bidang kuasa terhadap peguam sivil dan firma sivil berdasarkan peruntukan Akta 1976. Jawatankuasa mempunyai bidang kuasa terhadap peguam syarie sahaja berdasarkan peruntukan kaedah negeri-negeri. Majlis Peguam bertanggungjawab melihat akaun firma guaman sivil berdasarkan Kaedah Laporan Akauntan 1990. Untuk itu, setiap firma guaman sivil perlu mengaudit akaun tahunannya melalui akauntan bertauliah setiap tahun. Laporan akaun tersebut akan dikemukakan kepada Majlis Peguam pada setiap tahun bagi memperbaharui sijil tahunan. Tempoh setahun dikira bermula dari satu Januari hingga 31 Disember setiap tahun. Kegagalan menyediakan laporan boleh mengakibatkan sijil tahunan peguam tersebut ditahan.

⁴⁸ Akta Profesion Undang-Undang 1976, Seksyen 85 (1).

Firma guaman sivil juga dikawal oleh Majlis Peguam melalui Kaedah Akaun Peguam 1983. Berdasarkan kaedah ini setiap firma dikehendaki membuka dua akaun. Ia bertujuan agar peguam tidak menggunakan duit pelanggan pada hal-hal lain selain daripada berkaitan kes berkenaan. Kedua-dua akaun yang dimaksudkan ialah akaun firma. dan akaun anak guam. Akaun pejabat adalah berkaitan hal ehwal kewangan firma. Manakala akaun anak guam adalah pengurusan kewangan bagi tujuan kes-kes anak guam yang diterima peguam syarie.

Selain itu, Majlis Peguam juga bertanggungjawab terhadap kebajikan pelanggan iaitu memberi gantirugi seandainya pelanggan teraniaya di dalam penghakiman. Untuk itu di bawah Akta 1976 digubal Kaedah Tabung Gantirugi Peguambela dan Peguamcara 1986. Peguam hendaklah memberi sumbangan kepada suatu tabung yang diuruskan oleh Majlis Peguam. Oleh itu, dapatlah dilihat bagaimana luasnya bidang kuasa Majlis Peguam berbanding Jawatankuasa Peguam Syarie.

Majlis Peguam juga berperanan dalam aktiviti kemasyarakatan lain antaranya penulisan makalah, buku dan artikel, menasihati kerajaan berkenaan undang-undang, seminar undang-undang dan sebagainya. Situasi ini memperlihatkan komitmen sepenuhnya Majlis Peguam terhadap bidang kuasa berdasarkan Akta Profesion Undang-Undang 1976. Ia jelas berbeza dengan bidang kuasa Jawatankuasa Peguam Syarie yang lebih tertumpu kepada perlantikan dan tata tertib peguam syarie tanpa melibatkan firma guaman syarie. Komitmen Jawatankuasa dilihat lebih berperanan sekiranya terdapat permohonan baru. Keadaan ini disebabkan ahli Jawatankuasa mempunyai komitmen terhadap profesion lain seperti mufti, kadi dan Yang Dipertua Majlis. Sebaliknya komitmen ahli-ahli Majlis Peguam nyata memainkan peranan yang luas terhadap bidang kuasa yang diberikan.

xi. Penyelenggaraan Daftar Peguam Syarie

Daftar Peguam Syarie merupakan satu simpanan maklumat dan data peguam syarie. Ia diselenggarakan oleh beberapa pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan mentadbir Daftar tersebut. Tidak ada suatu penyelarasan penyimpanan Daftar. Justeru itu ia menyukarkan untuk membuat rujukan bagi mendapatkan maklumat peguam syarie yang beramal di Mahkamah Syariah negeri tersebut. Meskipun terdapat salinan Daftar yang diletakkan di papan notis setiap Mahkamah Syariah namun terdapat beberapa kekurangan yang dilihat ketika penyelidikan.

Antara kekurangan yang dilihat kepada Daftar Peguam Syarie ialah:

- i. Daftar Peguam Syarie yang ditampal mengandungi maklumat yang kurang lengkap berbanding maklumat sepatutnya di dalam kaedah.
- ii. Daftar yang ditampal sebahagiannya tidak terkini (tidak *up-to-date*).

iii. Umumnya Daftar ditadbir oleh dua pihak yang berlainan peranan.

Melalui observasi di Mahkamah Syariah didapati Daftar yang diletakkan dipapan notis Mahkamah Syariah kurang lengkap. Pertamanya ialah maklumat tersebut hanya menyatakan nama peguam syarie yang beramal di Mahkamah Syariah negeri sahaja berserta alamat firma guaman. Kedua ialah Daftar tidak mempunyai maklumat lengkap sepertimana tertulis di dalam kaedah. Sekurang-kurangnya ialah maklumat tempoh hayat Sijil Peguam Syarie. Masalah ini perlu diberi perhatian kerana dikhuatiri pelanggan tersalah memilih peguam syarie yang tidak dapat beramal di Mahkamah Syariah kerana Sijil Peguam Syarie telah tamat tempoh. Selain itu, kebanyakan Daftar tidak menyenaraikan maklumat lengkap sepertimana yang dirujuk di dalam kaedah. Justeru itu, ia menyukarkan orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lengkap mengenai seseorang peguam syarie. Disebabkan itu, meskipun ramai peguam syarie yang beramal di sesebuah negeri tetapi hanya beberapa nama peguam syarie yang agak popular dan mendapat ramai anak guam. Ini disebabkan anak guam tidak mendapat maklumat yang jelas melalui Daftar tersebut.

Rentetan itu timbul pula masalah lain iaitu kes-kes tertangguh di Mahkamah Syariah dan antara alasan yang sering diberikan ialah kesibukan peguam syarie.⁴⁹ Hal ini tidak dapat dinafikan kerana terdapat kecenderungan anak guam memilih peguam syarie yang popular. Kekurangan maklumat Daftar menyebabkan pelanggan memilih peguam terkenal meskipun bayaran yang dikenakan agak tinggi. Kebiasaannya peguam tersebut mengendalikan banyak kes dan seterusnya berlaku penangguhan disebabkan jadual peguam syarie bertembung dengan kes lain.⁵⁰ Ini menyebabkan perjalanan sesuatu kes memakan masa yang panjang untuk diselesaikan.

Melalui observasi yang dilakukan mendapati ada Daftar Peguam Syarie yang tidak memaparkan maklumat semasa. Antaranya dari segi kemasukan peguam syarie yang baru ke dalam Daftar. Justeru itu, keadaan ini sudah pasti menimbulkan masalah bagi peguam tersebut untuk mendapat pelanggan. Keadaan ini bukan sahaja dilihat berdasarkan Daftar yang ditampal di Mahkamah Syariah sahaja, sebaliknya dilihat di dalam laman web Mahkamah Syariah atau Majlis Agama Islam. Sepatutnya maklumat melalui laman web adalah maklumat terkini yang sentiasa diperbaharui dan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Justeru itu, apabila dirujuk kepada laman web Majlis atau Mahkamah Syariah ianya didapati masih tidak sempurna. Antaranya ialah Daftar Peguam Syarie yang tidak terkini. Objektif diwujudkan laman web bagi memudahkan orang ramai mendapat maklumat dilihat tidak mencapai sasaran.

⁴⁹ Temubual En Nor Azmi Mohd Ariff, *op.cit.* Lihat juga rencana "Tidak wajar hanya salahkan Mahkamah Syariah", *Berita Harian*, 18 Januari, 2001, h. 1.

⁵⁰ "Banyak punca kes syariah tertangguh", *Berita Harian*, 18 Januari, 2001, h. 1

Kesimpulan

Pokok persoalan kepada isu-isu peguam syarie yang dibincangkan adalah isu ketidakseragaman statut, sama ada enakmen atau kaedah. Justeru itu, suatu akta induk perlu digubal untuk menyelaraskan pentadbiran dan pengurusan peguam syarie.⁵¹ Oleh itu semua pihak sama ada kerajaan pusat atau kerajaan-kerajaan negeri haruslah memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan matlamat tersebut. Penubuhan Persatuan Peguam Syarie Malaysia atau P.G.S.M pada 1 Ogos 2001 adalah suatu langkah yang bijak. P.G.S.M dilihat berkemampuan memperjuangkan isu-isu peguam syarie, terutamanya usaha mewujudkan akta induk atau Akta Peguam Syarie Malaysia. Seterusnya persatuan tersebut perlu memperjuangkan penubuhan Majlis Peguam Syarie⁵² sebagaimana amalan Majlis Peguam di dalam perundangan sivil. Sesungguhnya penggubalan akta induk dan penubuhan Majlis Peguam Syarie dilihat dapat menyelesaikan sebahagian besar isu-isu peguam syarie di Malaysia.

⁵¹ Merupakan cadangan dalam Mesyuarat Hakim-hakim Mahkamah Syariah di Kuching pada 17-18 Ogos 1991. Lihat juga Abdul Monir Yaacob (1996), "Etika Peguam Menurut Perspektif Islam" dalam Abdul Monir Yaacob (ed), *Etika Hakim dan Peguam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 138.

⁵² Mohamed Azam Mohamed Adil (1997), "Peguam Syarie: Amalan dan Kedudukannya di Malaysia" dalam *Jurnal Syariah*, Jil 5, Bil. 2, Julai 1997, h. 247.